

PENGAMBILAN UPAH TERHADAP PENGURUSAN JENAZAH DAN BACAAN QURAN³⁹⁷

Abdul Manan Ismail³⁹⁸, Mushaddad Hasbullah³⁹⁹, Zahari Mahad Musa⁴⁰⁰, Ahmad Zaki Salleh⁴⁰¹,
Mohamad Zaharuddin Zakaria⁴⁰², Azman Ab Rahman⁴⁰³

Abstrak

Pengambilan upah terhadap aktiviti keagamaan merupakan isu sensitif dalam masyarakat kerana umum menganggap bahawa aktiviti keagamaan merupakan ibadat yang perlu dilakukan dengan ikhlas tanpa perlu diupah. Pengambilan upah terhadap sesuatu urusan yang tidak menyalahi Syarak diharuskan berdasarkan syarat-syarat tertentu. Namun, terdapat kontroversi dalam masyarakat khususnya di Malaysia melibatkan pengambilan upah yang dikatakan terlalu tinggi bagi sesuatu aktiviti keagamaan. Antaranya ialah isu berkenaan pengambilan upah berpakej terhadap pengurusan jenazah yang merangkumi urusan-urusan asas seperti memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan dan mengebumikan. Di samping itu, khidmat upah bacaan Quran terhadap si mati juga ditawarkan dengan harga yang berbeza-beza berdasarkan pakej permintaan pelanggan. Objektif kajian terfokus kepada pengenpastian konsep dan syarat pengambilan upah dalam aktiviti keagamaan menurut Syarak serta menilai kaedah pengambilan upah terhadap pengurusan jenazah dan bacaan Quran dalam konteks semasa dan mencadangkan garis panduan ringkas berkaitan perkara tersebut. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisa dokumen dan temubual bersama pihak yang terlibat secara langsung dalam aktiviti tersebut. Kajian ini menghasilkan garis panduan yang boleh digunapakai bagi tujuan penyelarasan pengambilan upah terhadap pengurusan jenazah dan bacaan Quran.

Kata kunci: Upah, Pengurusan Jenazah, Quran.

³⁹⁷ جامع البيان 550/8.

³⁹⁸ أخرجه أحمد في مسنده 94/25.

³⁹⁹ انظر: تفسير القرآن العظيم 54/4، والحديث أخرجه البخاري برقم (6921) ومسلم برقم (120).

⁴⁰⁰ التحرير والتنوير 344/9.

⁴⁰¹ التفسير الحديث 48/7.

⁴⁰² انظر: الكشاف 231/2، والتفسير الكبير للرازي 497/15.

⁴⁰³ الدر المصون 622/5.

Pendahuluan

Isu-isu berkaitan hal ehwal agama Islam tertakluk kepada enakmen/akta/ordinan pentadbiran agama Islam negeri termasuklah aktiviti agama yang melibatkan upah dan bayaran kepada pihak atau individu tertentu. Salah satu isu utama yang melibatkan aktiviti keagamaan adalah isu pengambilan upah serta bayaran terhadap pengurusan jenazah dan bacaan Quran.

Pengambilan upah terhadap aktiviti keagamaan merupakan isu sensitif dalam masyarakat kerana umum menganggap bahawa aktiviti keagamaan merupakan ibadat yang perlu dilakukan dengan ikhlas tanpa perlu diupah (al-Tariqi 2016).

Secara asasnya, pengambilan upah terhadap sesuatu urusan yang tidak menyalahi Syarak diharuskan berdasarkan syarat-syarat tertentu yang telah dinyatakan oleh para ilmuwan. Namun demikian, ia bukanlah pengharusan yang bersifat mutlak bahkan perlu meraikan keadaan serta realiti masyarakat.

Realiti di Malaysia

Terdapat beberapa kontroversi dalam masyarakat khususnya di Malaysia melibatkan pengambilan upah yang dikatakan terlalu tinggi bagi sesuatu aktiviti keagamaan, ia telah menimbulkan keresahan dan respon negatif daripada masyarakat.

Antaranya ialah isu caj puluhan ribu untuk satu sesi ceramah agama seperti yang telah dilaporkan (<http://www.themalaymailonline.com> 2017), bayaran pengurusan jenazah yang terlalu mahal serta membebankan (www.malaysiakini.com/letters 2013).

Dewasa ini juga timbul isu penawaran kelas al-Quran di atas jet mewah dengan kos secara puratanya lebih kurang AS\$7,500 (RM33,400) seorang bagi sejam penerbangan. (<http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2017/02/14/kelas-ngaji-jet/>:2017).

Perkembangan dan polemik semasa yang telah menyaksikan evolusi masyarakat Malaysia terhadap aktiviti keagamaan dengan memperkenalkan pelbagai bentuk pengambilan upah atau perniagaan terhadap aktiviti keagamaan seperti pakej pengurusan jenazah yang pelbagai harga, caj ceramah agama puluhan ribu dan pakej mengaji puluhan ribu ringgit, memerlukan satu piawaian dan garis panduan yang komprehensif bagi mengelakkan keresahan masyarakat berpanjangan.

Pengambilan Upah Terhadap pengurusan Jenazah

Pengurusan jenazah yang merangkumi urusan-urusan asas seperti memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan dan mengebumikan merupakan tuntutan fardu kifayah yang perlu dilaksanakan. Isu pengambilan upah terhadap urusan tersebut telah dibincangkan oleh para ulama sebagaimana berikut;

1. Pengambilan upah terhadap urusan solat jenazah

Para ulama melarang pengambilan upah bagi urusan solat jenazah kerana ia merupakan ibadat iaitu solat yang tidak dibenarkan pengambilan upah terhadapnya (al-Qalyubi t.th).

2. Pengambilan upah terhadap urusan memandikan, mengkafankan dan mengebumikan jenazah

Terdapat beberapa pandangan ulama dalam isu tersebut, antaranya ialah;

a). Harus pengambilan upah selagi mana tidak menjadi fardu ain kepada individu tersebut. Pandangan ini dipelopori oleh al-Hanafiyyah (Ibn Nujaym 1980), al-Malikiyyah (al-Sowi 1974), sebahagian al-Syafiyyah (al-Nawawi 1985) dan Ibn Hazm (Ibn Hazm t.th).

b). Harus pengambilan upah dalam semua keadaan sama ada fardu kifayah atau fardu ain. Pandangan ini dipelopori oleh al-Shafiyyah (al-Nawawi 1985).

c). Harus pengambilan upah untuk mengangkat dan mengebumikan jenazah sahaja. Pandangan ini dipelopori oleh sebahagian al-Hanafiyyah (al-Kasani 1986) dan sebahagian al-Hanabilah (al-bahuti 1982)

d) Haram pengambilan upah terhadap pengurusan jenazah sama sekali. Pandangan ini dipelopori oleh sebahagian al-Hanafiyyah (al-Kasani 1986) dan sebahagian al-Hanabilah (al-bahuti 1982).

e). Makruh mengambil upah terhadap pengurusan jenazah melainkan jika memerlukan maka diberi upah kepadanya dari baitulmal. Pandangan ini dipelopori oleh sebahagian al-hanabilah (al-bahuti 1982).

Pengambilan upah terhadap bacaan Quran

Maksud pengambilan upah terhadap bacaan Quran ialah mengambil upah terhadap pahala bacaan Quran yang dihadiahkan kepada si mati. Secara asasnya, terdapat dua pandangan ulama dalam isu ini iaitu;

a). Haram mengambil upah terhadap pahala bacaan Quran yang dihadiahkan kepada si mati. Pandangan ini dipelopori oleh al-hanafiyyah (Ibn Abidin t.th), al-Hanabilah (Ibn Muflih t.th), al-Malikiyyah (al-Dasuqi t.th), al-Shafiyyah (al-Sharbini t.th).

b). Harus mengambil upah terhadap pahala bacaan Quran yang dihadiahkan kepada si mati. Pandangan ini dipelopori oleh sebahagian al_malikiyyah (al-Dasuqi t.th), al-Shafiyyah (al-Sharbini t.th).

Garis Panduan Pengambilan upah

Penulisan ini tidak akan menghuraikan secara terperinci berkenaan cara pendalilan yang dikemukakan oleh para ulama terhadap pandangan mereka mahupun membincangkan kekuatan dan kelemahan dalil. Sebaliknya akan terus mengesyorkan pandangan yang dilihat bersesuaian dengan situasi semasa pada hari ini.

Melihat kepada hak seseorang muslim terhadap saudara muslimnya yang lain, sudah tentu menjadi kewajipan kepada seseorang muslim untuk menguruskan jenazah saudara seagamanya. Namun demikian, segala kos yang berkaitan dengan pengurusan tersebut perlulah diambil daripada sumber berikut mengikut turutan (al-Nawawi 1985);

1. Harta peninggalan si mati
2. Dibayar oleh orang yang memberi nafkah kepada si mati semasa hidupnya
3. Baitul mal
4. Dibayar oleh orang-orang Islam yang berkemampuan.

Dalam isu pengambilan upah pula, kita tidak boleh melarang pihak-pihak tertentu untuk berbuat demikian mengambil kira keharusan yang diberikan oleh sebahagian ulama dalam pengambilan upah bagi pengurusan jenazah. Namun demikian, keharusan ini perlulah mematuhi beberapa perkara iaitu;

1. Urusan tersebut merupakan fardu kifayah dan tidak melibatkan fardu ain
2. Urusan tersebut tidak memerlukan niat
3. Orang yang melakukan pekerjaan tersebut memerlukan upah
4. Upah mestilah bersesuaian dengan tugas dan tidak melampau.

Dalam isu mengambil upah terhadap pahala bacaan Quran yang dihadiahkan kepada si mati pula, penulis berpandangan untuk tidak membenarkan yang demikian kerana ia boleh membentuk budaya menjadikan bacaan Quran sebagai perniagaan.

Penutup

Pengambilan upah terhadap urusan pengurusan jenazah dan bacaan Quran merupakan isu yang perlu diambil perhatian oleh masyarakat Islam. Jika gagal dilaksanakan menurut lunas yang sepatutnya, ia akan memberi imej buruk terhadap aktiviti keagamaan. Justeru, panduan ringkas yang telah diberikan boleh dijadikan asas dalam membuat keputusan berkenaan perkara tersebut.

Walaupun seseorang dituntut untuk melakukan kerja secara ikhlas, namun ia bukanlah bererti dia tidak boleh menerima upah kerana keikhlasan dan memberi upah adalah dua perkara berbeza. Seseorang yang diberi upah tidak semestinya tidak ikhlas sebagaimana orang yang tidak diberi upah tidak semestinya ikhlas kerana ikhlas merupakan soal hati yang tidak boleh dihukum secara zahir sahaja.

Rujukan

Abdullah bin Muhammad al-Tariqi, Dr (2016). *Akhz al-ujrah 'ala a'mal al-ta'aat wa al-ma'asi*. Beirut: Dar al-Risalah.

Al-Bahuti, Mansur ibn Salah a-Din ibn Hasan ibn Idris. (1970). *Al-Raud al-Murbi'*. Beirut: Muassat al-Risalah.

Al-Dasuqi, Shamsuddin al-Shaikh Muhammad 'Arafah. (t.th) *Hashiat al-Dasuqi 'ala al-sharh al-kabir*. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Hazm, Abu Muhammad Ali ibn Ahmad ibn Sa'id ibn Hazm (t.th). *Al-Muhalla*. Beirut: Dar al-Afaq al-Hadithah.

Ibn Muflih, Shams al-Din Muhammad al-Maqdisi. *al-Furu'*. (t.th). Beirut: Dar al-Kutub al-ilmiyyah.

Ibn Nujaym, Zain al-Abidin ibn Ibrahim. (1986). *Al-Ashbah wa al-Nazair 'ala madhhab Abi hanifah al-Nu'man*. Beirut: Dar al-Kutub al-'ilmiyyah.

Al-Kasani, 'Alauddin Abu Bakr Ibn Mas'ud. (1986). *Badai' al-sanai' fi tartib al-sanai'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'ilmiyyah.

Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya ibn Sharaf. (1985). *Raudat al-Talibin wa 'Umdat-al-Muftin*. Beirut: al-Maktab al-Islami.

Al-Qalyubi, Shihab al-Din Ahmad, (t.th) *Hasyiah al-Qalyubi 'ala sharh Jalal al-din Muhammad ibn Ahmad al-Mahalli 'ala Minhaj al-Talibin*. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Sharbini, Muhammad al-khatib (t. th) *Mughni al-muhtaj ila ma'rifat maa'ni alfaz al-minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Sowi, Ahmad ibn Muhammad. (1974). *Hashiah al-Sowi*. Mesir: Dar al-Ma'arif.

<http://www.themalaymailonline.com>

www.malaysiakini.com/letters

<http://www.mstar.com.my>